

06/08/2002

KWSP diminta kaji semula penggantungan skim komputer

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), diminta mengkaji semula penggantungan Skim Pengeluaran Caruman KWSP untuk Pembelian Komputer selama tiga bulan yang diumumkan akhir Jun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Usahawan Komputer Bumiputera (Putra), Ahmad Ikmal Ismail, berkata skim yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu penting terutama kepada usahawan komputer Bumiputera untuk menceburi, bertapak dan mengukuhkan operasi dalam industri komputer.

"Skim pembelian komputer melalui pengeluaran wang caruman KWSP terbukti cara berkesan membawa teknologi maklumat (IT) kepada masyarakat bandar dan luar bandar serta penting untuk matlamat mencapai Wawasan 2020.

"Skim itu yang diperkenalkan bagi mengurangkan jurang buta IT di kalangan penduduk penting bagi memastikan usaha kerajaan seperti Koridor Raya Multimedia yang dikagumi seluruh dunia diisi oleh rakyat tempatan, bukan hanya pekerja asing semata-mata atau hanya segelintir rakyat tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan KWSP menggantung Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) selama tiga bulan bagi membolehkan KWSP menjalankan kajian lengkap mengenai keberkesanan skim itu berikutan beberapa kegiatan penipuan dan penyelewengan.

Berikutan tindakan itu, KWSP tidak akan menerima permohonan pengeluaran baru mengikut skim berkenaan atau memproses permohonan yang belum diluluskan tetapi sudah diterima sebelum penggantungan hingga ia ditarik balik.